

14/05/2003

Kerajaan tidak mahu sambutan merdeka hambar

KUALA LUMPUR: Kerajaan berharap sambutan hambar Bulan Kemerdekaan dua tahun lalu hingga mengecewakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak berulang pada tahun ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata, dua tahun lalu Perdana Menteri terpaksa mengadakan

majlis khas dengan pemilik bangunan di kawasan bandar untuk menerangkan kepentingan program berkenaan.

"Walaupun ada yang menyambut saranan Perdana Menteri dengan menghias pada saat-saat akhir, malah ada juga tidak menghiraukan langsung rayuan kerajaan supaya mengibarkan Jalur Gemilang," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap penduduk bandar, yang majoritinya kaum Cina, akan bersama-sama menjayakan sambutan Bulan Kemerdekaan tahun ini, bermula 17 Ogos hingga 16 September.

Beliau berkata, saranan kerajaan supaya mengibarkan Jalur Gemilang bertujuan memupuk perpaduan dan semangat cintakan negara di kalangan rakyat pelbagai kaum.

"Sepanjang program sebulan itu, rakyat diminta menghias rumah, kenderaan, kedai dan bangunan dengan lampu serta bendera kebanggaan negara, malangnya sambutan di kalangan penduduk di bandar dan pekan kecil

yang 90 peratus adalah kaum Cina, masih mengecewakan," katanya pada sidang

media di pejabatnya, semalam.